

Nama: _____

Kelas: _____

1 Juruterbang itu akan bertugas di Syarikat Penerbangan Malaysia _____ hari lagi.

- A dua B kedua-dua C kedua

2 Jurugambar itu mengambil gambar _____ orang murid.

- A para B sekalian C beberapa

3 _____ pramugari mesti melayan penumpang dengan mesra.

- A Setiap B Pertama C Setengah



4 Kasut yang direka oleh Encik Hendry cantik _____ tidak mahal.

- A supaya B tetapi C untuk

5 Wartawan itu ke Stadium Shah Alam _____ melaporkan berita tentang perlawanan itu.

- A tetapi B untuk C kecuali

6 Gui Yee _____ keluarganya berada di Pulau Pinang.

- A tetapi B lalu C dan D sambil

7 Tempat tinggal yang bersih _____ untuk kesihatan kita.

- A cantik B susah C sedih D penting

8 Cikgu Hoh _____ mengajar murid-muridnya.

- A tekun B tinggi C rendah D panjang



9 Jen Wu berasa _____ kerana mendapat tempat pertama dalam pertandingan melukis.

- A berani B sedih C gembira D sabar

10 Edric pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dengan menaiki _____.

- A monorel B komuter C ERL

11 Ethan dan kawannya menaiki _____ di Genting Highlands.

- A beca B kereta kabel C monorel D komuter



12 _____, besarnya rumah awak, James!

- A Syabas B Wah C Aduhai

13 _____, baru saya tahu kelebihan kamera digital ini!

- A Nah B Cis C Aduhai D Oh

14 Saya dan ibu bapa _____ beca ketika kami berada di Melaka.

- A menunggang B membonceng C menaiki D belayar




15 Se _____ kambing sedang meragut rumput di padang.

- A pasukan B kawan C kumpulan D himpun

16 Kami _____ di dewan pada setiap hari Isnin.

- A bersurai B berhimpun C bertengkar



- 17 _____ bertanggungjawab menyelia proses pembinaan sesebuah bangunan.
A Juruukur B Arkitek C Jurutera D Buruh binaan
- 18 _____ memandu pesawat ke destinasi yang dituju.
A Juruacara B Jurutera C Juruterbang D Juruukur
- 19 Abang membeli beberapa _____ setem di pejabat pos.
A keping B helai C pucuk D utas
- 20 Banyak pelancong yang berkunjung ke Pulau Langkawi terutamanya _____ masa cuti sekolah.
A dengan B di C pada D ke
- 21 Kakak sedang mencari maklumat lanjut _____ monorel melalui Internet.
A dengan B oleh C tentang D daripada
- 22 Gadis itu mengangkat kotak yang berat itu _____ mudah.
A dan B supaya C tentang D dengan
- 23 _____ yang mengucapkan terima kasih?
A Mengapakah B Apakah C Siapakah D Bilakah
- 24 _____ kita mesti makan makanan yang berkhasiat?
A Di manakah B Apakah C Mengapakah D Berapakah
- 25 “ _____ hendak melawat ke Singapura bulan depan,” kata Ali, Bala dan Chong kepada gurunya.
A Kita B Kami C Saya
- 26 Guru besar itu baru bertukar ke sekolah ini. _____ akan bertugas pada bulan depan.
A Beta B Beliau C Dia D Mereka
- 27 Juruterbang bertanggungjawab menjaga keselamatan semua _____.
A menumpang B penumpang C tumpangan D menumpangi
- 28 Kerja-kerja di dapur menjadi lebih mudah dengan adanya alat-alat ciptaan sains. Antonim bagi perkataan mudah dalam ayat ialah
A lambat B sukar C senang D cepat
- 29 Chu Ern telah menjemput kawan-kawannya ke majlis hari lahirnya. Sinonim bagi perkataan menjemput dalam ayat ialah
A melawat B menghalau C mengundang D menolak
- 30 Selva terpaksa ber _____ kerana kakinya telah hilang.
A kaki bangku B kaki botol C kaki ayam D angkat kaki



Disediakan oleh hlp.edupassion@gmail.com